



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



BANCI 2024 PERTANIAN

LAPORAN INTERIM NANAS





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

LAPORAN INTERIM

BANCI PERTANIAN 2024

NANAS

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Diterbitkan dan dicetak oleh
Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
 : data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM65.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-932-2

Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Nanas membentangkan parameter nanas di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi tanaman nanas.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan tanaman nanas dan jadual parameter terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan berhasil, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan. Manakala, nota teknikal turut disediakan bagi menerangkan konsep & definisi serta kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia


merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong




BANCI PERTANIAN 2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantaian edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data *baseline* yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

	Muka Surat
Kata Pengantar	i
Banci Pertanian 2024	v
Kandungan	ix
Ringkasan Penemuan	9
Jadual Statistik	43
Nota Teknikal	153
Penghargaan	173
Lampiran	179

SENARAI JADUAL


Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
Jadual 1.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023	43
Jadual 1.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	44
Jadual 2.0	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	49
Jadual 2.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	50
Jadual 2.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	55
Jadual 2.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Malaysia, 2023	56
Jadual 2.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	61
Jadual 2.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	62
Jadual 2.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	71
Jadual 2.7	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Etnik, Malaysia, 2023	72
Jadual 2.8	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas Nanas mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	81
Jadual 2.9	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	82

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
Jadual 2.10	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	91
Jadual 2.11	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	94
Jadual 3.0	Parameter Utama bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023	121
Jadual 3.1	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023	122
Jadual 3.2	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	123
Jadual 3.3	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023	128
Jadual 3.4	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	129
Jadual 3.5	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023	134
Jadual 3.6	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	135
Jadual 3.7	Kuantiti dan Nilai jualan bagi Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023	140
Jadual 3.8	Kuantiti dan Nilai jualan bagi Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	141

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



RINGKASAN PENEMUAN



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN NANAS, MALAYSIA, 2023




**Pegangan
Pertanian**
8,060

Individu :7,752 [96.2%]

Pertubuhan : 308 [3.8%]

Kewarganegaraan



Warganegara

7,675
(99.0%)



**Bukan
Warganegara**

77
(1.0%)

Kumpulan Etnik



Bumiputera

6,901
(89.9%)



Cina

718
(9.3%)



India

37
(0.5%)



Lain-Lain

19
(0.3%)

Kumpulan Umur



**15 - 30
tahun**
227
2.9%



**46 - 59
tahun**
3,375
43.5%



**31 - 45
tahun**
1,293
16.7%



**60 tahun
ke atas**
2,857
36.9%

Jantina



Lelaki
6,771



Perempuan
981

Taraf Perkahwinan

**Tidak Pernah
Berkahwin**
478
6.2%

**Bercerai/
Berpisah**
87
1.1%

Berkahwin
6,411
82.7%

Balu/ Duda
776
10.0%

Sijil Tertinggi Diperoleh

Tiada Sijil
1,313
16.9%

Rendah
1,862
24.0%

Menengah
4,049
52.3%

Tertiari
528
6.8%

Sumber : Banci Pertanian 2024





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

PARAMETER UTAMA TANAMAN NANAS, MALAYSIA, 2023

Keluasan Bertanam
(Hektar)

18,135


Individu : 8,944 [49.3%]
Pertubuhan : 9,192 [50.7%]



Keluasan Bertuai
(Hektar)

13,413

Individu : 6,902 [51.5%]
Pertubuhan : 6,511 [48.5%]



Kuantiti pengeluaran
(Tan metrik)

586,133

Individu : 262,565 [44.8%]
Pertubuhan : 323,568 [55.2%]



Kuantiti Jualan
(Tan metrik)

574,340

Individu : 256,878 [44.7%]
Pertubuhan : 317,462 [55.3%]



Nilai Jualan
(RM Juta)

1,676

Individu : 756 [45.1%]
Pertubuhan : 920 [54.9%]



TIGA NEGERI TERATAS BAGI PENGELUARAN NANAS, MALAYSIA, 2023

(Tan metrik)



Pegangan Pertanian

Individu

Pertubuhan

351,172 [59.9%]

125,346 [35.7%]

225,826 [64.3%]

60,335 [2.2%]

48,336 [80.1%]

12,000 [19.9%]

59,653 [0.9%]

8,704 [14.6%]

50,949 [85.4%]

Sumber : Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 October

2016 - 2030



10 NEGARA TERATAS PENGELUARAN NANAS DUNIA, 2023



3 Costa Rica

Pengeluaran (tan metrik)
2.94 juta



4 Brazil

Pengeluaran (tan metrik)
2.39 juta



5 China

Pengeluaran (tan metrik)
2.09 juta



8 Mexico

Pengeluaran (tan metrik)
1.27 juta



9 Thailand

Pengeluaran (tan metrik)
1.26 juta



2 Philippines

Pengeluaran (tan metrik)
2.94 juta



10 Colombia

Pengeluaran (tan metrik)
0.85 juta



7 Nigeria

Pengeluaran tan (metrik)
1.62 juta



6 India

Pengeluaran (tan metrik)
1.83 juta



1 Indonesia

Pengeluaran (tan metrik)
3.16 juta

Sumber: Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^p
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^a
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^a		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

Nota: Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.8	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.8	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.8	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

Nota: Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama tanaman nanas berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman nanas bagi tujuan jualan. Pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman nanas merujuk kepada lokasi di mana individu dan pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti nanas tinggal atau berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti tanaman nanas dijalankan.

2.0 LATAR BELAKANG

Nanas, atau nama saintifiknya, *Ananas comosus* adalah tumbuhan tropika yang ditanam di beberapa buah negara termasuk Malaysia. Menurut portal Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, industri penanaman nanas mula diperkenalkan di Tanah Melayu oleh orang Eropah pada tahun 1888 melalui perantaraan Singapura. Menjelang tahun 1921, penanaman nanas telah berkembang dengan pesat, khususnya di kawasan selatan Johor, sejajar dengan kepesatan pertumbuhan industri getah pada masa itu. Penanaman nanas dilaksanakan secara selingan di ladang getah sebagai strategi untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian. Berdasarkan rekod sehingga tahun 1921, keluasan tanaman nanas di Johor telah mencapai 16,000 ekar, manakala di Singapura seluas 2,000 ekar dan di Selangor pula mencatatkan keluasan sebanyak 4,000 ekar.


Pada tahun 1931, kawasan tanaman nanas telah meningkat kepada 52,000 ekar dan mengubah corak tanaman kepada tanaman tunggal, memandangkan pada ketika itu industri nanas memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi Malaysia. Kawasan tanaman nanas terus bertambah kepada 70,000 ekar dalam tahun 1936. Nanas pada ketika itu ditanam sebagai tanaman kontan dengan kepadatan tanaman 3,000 hingga 3,400 pokok per ekar dan diusahakan secara kelompok, namun demikian di Johor ianya diusahakan secara perladangan kontrak melalui sistem pawah.

Pada tahun 1938, *Central Board Pineapple Packers* telah ditubuhkan untuk menyusun semula industri nanas Negara dan pada 1941, Tanah Melayu menjadi pengeksport nanas kaleng ketiga terbesar dunia dengan kuantiti eksport 61,800 tan metrik.

2.1 Senario Tanaman Nanas Dunia

Food and Agriculture Organization of United Nations (FAO) melaporkan 10 negara tertinggi pengeluaran nanas pada tahun 2023. Indonesia merupakan pengeluar utama dengan penghasilan nanas sebanyak 3.2 juta tan metrik diikuti oleh Philippines dan Costa Rica dengan masing-masing 2.9 juta tan metrik.


Carta 1: 10 Negara Teratas bagi Pengeluaran Nanas Dunia, 2023



Sumber : Food and Agriculture Organization of United Nations (FAO) 2023

Costa Rica menjadi negara pengeksport tertinggi produk nanas segar pada tahun 2023 iaitu sebanyak 2.1 juta tan metrik. Seterusnya, diikuti oleh Philippines dan Netherlands dengan jumlah masing-masing 0.5 juta tan metrik dan 0.2 juta tan metrik.

Carta 2: 10 Negara Teratas bagi Pengeksport Nanas Segar Dunia, 2023



Sumber : Food and Agriculture Organization of United Nations (FAO) 2023

3.0 PARAMETER TANAMAN NANAS

3.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN TANAMAN NANAS

3.1.1 Malaysia

Tanaman nanas pada tahun 2023 merekodkan 8,060 pegangan pertanian. Pegangan pertanian individu adalah penyumbang terbesar iaitu 96.2 peratus atau 7,752 orang. Manakala pegangan pertanian pertubuhan, 3.8 peratus (308 pertubuhan). Majoriti negeri mencatatkan sumbangan pegangan pertanian individu melebihi pegangan pertanian pertubuhan kecuali Perlis, 42.9 peratus dan W.P. Kuala Lumpur tiada pegangan pertanian individu.

Paparan 1: Pegangan Pertanian Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023

		Individu	Pertubuhan	Jumlah
	Malaysia	7,752 96.2	308 3.8	8,060 100.0
	Johor	1,698 96.0	70 4.0	1,768 100.0
	Kedah	353 96.7	12 3.3	365 100.0
	Kelantan	222 96.1	9 3.9	231 100.0
	Melaka	103 92.0	9 8.0	112 100.0
	Negeri Sembilan	177 95.2	9 4.8	186 100.0
	Pahang	325 92.3	27 7.7	352 100.0
	Pulau pinang	44 57.9	32 42.1	76 100.0
	Perak	447 91.4	42 8.6	489 100.0
	Perlis	3 42.9	4 57.1	7 100.0
	Selangor	140 75.7	45 24.3	185 100.0
	Terengganu	422 98.4	7 1.6	429 100.0
	Sabah	1,473 99.6	6 0.4	1,479 100.0
	Sarawak	2,331 99.0	23 1.0	2,354 100.0
	W.P. Kuala Lumpur	- -	11 100.0	11 100.0
	W.P. Labuan	12 92.3	1 7.7	13 100.0
	W.P. Putrajaya	2 66.7	1 33.3	3 100.0





Bilangan | % sumbangan

RINGKASAN PENEMUAN

3.1.2 Negeri

Sarawak mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 2,354 yang menyumbang 29.2 peratus. Ini diikuti Johor, 1,768 (21.9%) dan Sabah, 1,479 (18.3%). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 69.5 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman nanas di Malaysia.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Tanaman Nanas mengikut Negeri Tertinggi, Malaysia, 2023

		Individu	Pertubuhan	Jumlah
	Malaysia	7,752 100.0	308 100.0	8,060 100.0
	Sarawak	2,331 30.1	23 7.5	2,354 29.2
	Johor	1,698 21.9	70 22.7	1,768 21.9
	Sabah	1,473 19.0	6 1.9	1,479 18.3
	Perak	447 5.8	42 13.6	489 6.1
	Terengganu	422 5.4	7 2.3	429 5.3
	Kedah	353 4.6	12 3.9	365 4.5
	Pahang	325 4.2	27 8.8	352 4.4
	Kelantan	222 2.9	9 2.9	231 2.9
	Negeri Sembilan	177 2.3	9 2.9	186 2.3
	Selangor	140 1.8	45 14.6	185 2.3
	Melaka	103 1.3	9 2.9	112 0.9
	Pulau pinang	44 0.6	32 10.4	76 0.9
	W.P. Labuan	12 0.2	1 0.3	13 0.2
	W.P. Kuala Lumpur	- -	11 3.6	11 0.1
	Perlis	3 0.0	4 1.3	7 0.1
	W.P. Putrajaya	2 0.0	1 0.3	3 0.0

Bilangan | % sumbangan

Sarawak menjadi penyumbang pegangan pertanian individu tertinggi mengikut negeri iaitu 30.1 peratus. Ini diikuti Johor, 21.9 peratus dan Sabah, 19.0 peratus. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merupakan penyumbang tertinggi iaitu 22.7 peratus. Ini diikuti dengan Selangor, 14.6 peratus dan Perak, 13.6 peratus.

3.1.3 Daerah

Muar, Johor merekodkan pegangan pertanian individu tertinggi iaitu 758 orang. Ini diikuti dengan Tuaran, Sabah, 417 orang dan Batu Pahat, Johor, 275 orang. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Kluang, Johor, mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 21 pertubuhan. Seterusnya, diikuti dengan Gombak, Selangor, 20 pertubuhan dan Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, 17 pertubuhan.

Paparan 3: Pegangan Pertanian Tanaman Nanas bagi 10 Daerah Teratas, Malaysia, 2023

Pegangan Pertanian		Individu		Pertubuhan	
1.	Muar, Johor	758	1.	Muar, Johor	758
2.	Tuaran, Sabah	417	2.	Tuaran, Sabah	417
3.	Batu Pahat, Johor	278	3.	Batu Pahat, Johor	275
4.	Ranau, Sabah	223	4.	Ranau, Sabah	223
5.	Kuching, Sarawak	218	5.	Kuching, Sarawak	215
6.	Pontian, Johor	216	6.	Serian, Sarawak	201
7.	Serian, Sarawak	201	7.	Pontian, Pahang	201
8.	Samarahan, Sarawak	175	8.	Samarahan, Sarawak	170
9.	Sibu, Sarawak	162	9.	Sibu, Sarawak	161
10.	Pekan, Pahang	159	10.	Pekan, Pahang	156
			1.	Kluang, Johor	21
			2.	Gombak, Selangor	20
			3.	Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	17
			4.	Pontian, Johor	15
			5.	Kota Tinggi, Johor	12
			6.	Batang Padang, Perak	11
			7.	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	9
			8.	Perak Tengah, Perak	7
			9.	Johor Bahru, Johor	6
			10.	Miri, Sarawak	6

3.1.4 Profil Pegangan Pertanian Individu

i) Kewarganegaraan

Majoriti penanam nanas dipelopori oleh Warganegara iaitu seramai 7,675 orang dengan sumbangan 99.0 peratus dan Bukan Warganegara seramai 77 orang (1.0 %).


Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Nanas mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2023



ii) Kumpulan Etnik

Penglibatan Bumiputera adalah paling ramai iaitu sebanyak 89.9 peratus (6,901 orang) diikuti oleh Cina, 9.3 peratus (718 orang), India, 0.5 peratus (37 orang) dan Lain-lain, 0.3 peratus (19 orang).


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Nanas mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023



iii) Jantina

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam tanaman nanas pada 2023 dipelopori oleh lelaki iaitu seramai 6,771 orang atau 87.3 peratus berbanding perempuan seramai 981 orang (12.7%).


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Nanas mengikut Jantina, Malaysia, 2023



iv) Kumpulan Umur

Kumpulan umur tertinggi yang terlibat dalam tanaman nanas pada 2023 ialah 46 hingga 59 tahun iaitu 3,375 orang (43.5%). Ini diikuti kumpulan umur 60 tahun ke atas, 2,857 orang (36.9%) dan 31 hingga 45 tahun, 1,293 orang (16.7%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Nanas mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023




v) Taraf Perkahwinan

Hampir 83.0 peratus atau 6,411 orang yang terlibat dalam penanaman nanas merupakan mereka yang berstatus berkahwin. Ini diikuti oleh 776 orang (10.0%) berstatus balu/duda dan 478 orang (6.2%) pula berstatus tidak pernah berkahwin.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



vi) Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 4,049 orang atau 52.3 peratus daripada jumlah keseluruhan yang terlibat dalam penanaman nanas mempunyai sijil di peringkat menengah. Manakala 1,862 orang (24.0%) memperoleh sijil di peringkat rendah. Terdapat 1,313 orang (16.9%) tidak mempunyai sijil dan 528 orang yang mempunyai sijil diperingkat tertiar.

Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Nanas mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



3.2 KELUASAN BERTANAM

Malaysia merupakan antara negara pengeluar nanas utama di rantau Asia Tenggara yang memiliki kepelbagaian varieti nanas dengan ciri-ciri tersendiri. Setiap varieti yang ditanam bukan sahaja berbeza dari segi rupa bentuk, rasa dan kandungan gula malah turut disesuaikan dengan kegunaan tertentu seperti dimakan segar, diproses atau dieksport. Sehingga tahun 2023, terdapat 16 varieti nanas yang didaftarkan oleh Jabatan Pertanian dalam Senarai Varieti Nanas Kebangsaan.


Paparan 10: Kod dan Nama Varieti Nanas di Malaysia



3.2.1 Malaysia

Keluasan bertanam bagi tanaman nanas di Malaysia pada 2023 direkodkan adalah seluas 18,135.2 hektar. Pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan 9,192.2 hektar atau dengan sumbangan 50.7 peratus berbanding pegangan pertanian individu iaitu 8,943.6 hektar (49.3%).


Carta 3: Peratus Keluasan Bertanam Tanaman Nanas mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



3.2.2 Negeri

Johor merupakan negeri yang mempunyai keluasan bertanam terbesar iaitu 10,318.9 hektar atau menyumbang 56.9 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam. Ini diikuti Sarawak, 2,339.9 hektar (12.7%), Pahang, 1,678.9 hektar (9.3%) dan Sabah, 1,236.0 hektar (6.8%).

Carta 4: Keluasan Bertanam Tanaman Nanas Mengikut Negeri, Malaysia, 2023 (hektar)



Johor mencatatkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu iaitu 4,098.3 hektar atau 45.8 peratus. Ini diikuti oleh Sarawak, 1,848.3 hektar (20.7%) dan Sabah, 1,107.3 hektar (12.4%). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, Johor turut merekodkan keluasan tertinggi iaitu 6,220.6 hektar (67.7%), diikuti oleh Pahang, 1,409.4 hektar (15.3%) dan Sarawak, 491.6 hektar (5.3%).

3.2.3 Daerah

Tiga daerah yang mempunyai keluasan bertanam terbesar ialah Kluang, Johor iaitu seluas 4,855.3 hektar atau 26.8 peratus, diikuti Pontian, Johor dan Rompin, Pahang yang mana masing-masing mencatatkan 1,801.1 hektar (9.9%) dan 1,211.8 hektar (6.7%).

Paparan 11: Keluasan Bertanam Bagi 10 Daerah Teratas, Malaysia, 2023


Kedudukan Tertinggi	Individu (Hektar)	Pertubuhan (Hektar)	Pegangan Pertanian (Hektar)
1	Batu Pahat, Johor 1,088.5 (12.2%)	Kluang, Johor 4,219.3 (45.9%)	Kluang, Johor 4,855.3 (26.8%)
2	Muar, Johor 949.1 (10.6%)	Rompin, Pahang 1,173.0 (12.8%)	Pontian, Johor 1,801.1 (9.9%)
3	Pontian, Johor 698.9 (7.8%)	Pontian, Johor 1,102.2 (12.0%)	Rompin, Pahang 1,211.8 (6.7%)
4	Kluang, Johor 636.0 (7.1%)	Kota Tinggi, Johor 368.9 (4.0%)	Batu Pahat, Johor 1,130.2 (6.2%)
5	Johor Bahru, Johor 428.2 (4.8%)	Johor Bahru, Johor 230.4 (2.5%)	Muar, Johor 951.1 (5.2%)
6	Tuaran, Sabah 378.0 (4.2%)	Samarahan, Sarawak 222.2 (2.4%)	Johor Bahru, Johor 658.6 (3.6%)
7	Kota Belud, Sabah 248.6 (2.8%)	Kuala Langat, Selangor 130.6 (1.4%)	Kota Tinggi, Johor 455.8 (2.5%)
8	Sarikei, Sarawak 187.8 (2.1%)	Mersing, Johor 125.5 (1.4%)	Samarahan, Sarawak 404.5 (2.2%)
9	Samarahan, Sarawak 182.3 (2.0%)	Maradong, Sarawak 100.0 (1.1%)	Tuaran, Sabah 378.0 (2.1%)
10	Serian, Sarawak 146.1 (1.6%)	Tangkak, Johor 92.8 (1.0%)	Kota Belud, Sabah 248.6 (1.4%)

3.3 KELUASAN BERTUAI

3.3.1 Malaysia

Keluasan bertuai bagi aktiviti tanaman nanas di Malaysia direkodkan seluas 13,413.0 hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu mencatatkan 6,902.0 hektar atau menyumbang 51.5 peratus manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan 6,511.0 hektar (48.5%).

Carta 5: Keluasan Bertuai Tanaman Nanas mengikut Negeri Tertinggi, Malaysia, 2023 (hektar).



3.3.2 Negeri

Johor menjadi negeri terbesar bagi keluasan bertuai iaitu seluas 7,432.0 hektar atau dengan sumbangan 55.4 peratus. Ini diikuti Sarawak, 1,805.2 hektar (13.5%), Pahang, 1,216.5 hektar (9.1%) dan Sabah, 1,009.8 hektar (7.5%).

Bagi pegangan pertanian individu, Johor mencatatkan keluasan tertinggi iaitu 3,044.7 hektar atau 44.1 peratus. Ini diikuti Sarawak, 1,458.4 hektar (21.1%) dan Sabah, 919.1 hektar (13.3%). Manakala bagi pertubuhan, Johor juga turut mencatatkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 4,387.3 hektar (67.4%). Ini diikuti Pahang, 993.1 hektar (15.3%) dan Sarawak, 346.8 hektar (5.3%).

3.3.3 Daerah

Kluang, Johor mencatatkan keluasan bertuai tanaman nanas tertinggi di Malaysia iaitu 3,429.3 hektar iaitu 25.6 peratus. Ini diikuti Pontian, Johor, 1,282.4 hektar (9.6%) dan Rompin, Pahang, 848.8 hektar (6.3%). Bagi pegangan pertanian individu, Batu Pahat, Johor, mencatatkan keluasan bertuai tertinggi dengan keluasan 815.2 hektar (11.8%), diikuti Muar, Johor, 730.9 hektar (10.6%) dan Pontian, Johor, 509.5 hektar (7.4%). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Kluang, Johor turut mencatatkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 2,980.6 hektar (45.8%), diikuti Rompin, Pahang, 821.9 hektar (12.6%) dan Pontian, Johor, 773.0 hektar (11.9%).

Paparan 12: Keluasan Bertuai Tanaman Nanas bagi 10 Daerah Teratas, Malaysia, 2023

Pegangan Pertanian		(Hektar)
1.	Kluang, Johor	3,429.3 (25.6%)
2.	Pontian, Johor	1,282.4 (9.6%)
3.	Rompin, Pahang	848.8 (6.3%)
4.	Batu Pahat, Johor	845.1 (6.3%)
5.	Muar, Johor	732.5 (5.5%)
6.	Johor Bahru, Johor	466.2 (3.5%)
7.	Kota Tinggi, Johor	322.2 (2.4%)
8.	Tuaran, Sabah	317.1 (2.4%)
9.	Samarahan, Sarawak	290.3 (2.2%)
10.	Kota Belud, Sabah	198.6 (1.5%)

Individu		(Hektar)
1.	Batu Pahat, Johor	815.2 (11.8%)
2.	Muar, Johor	730.9 (10.6%)
3.	Pontian, Johor	509.5 (7.4%)
4.	Kluang, Johor	448.7 (6.5%)
5.	Tuaran, Sabah	317.1 (4.6%)
6.	Johor Bahru, Johor	304.4 (4.4%)
7.	Kota Belud, Sabah	198.6 (2.9%)
8.	Serikei, Sarawak	140.5 (2.0%)
9.	Samarahan, Sarawak	134.5 (1.9%)
10.	Serian, Sarawak	115.4 (1.7%)


Pertubuhan		(Hektar)
1.	Kluang, Johor	2,980.6 (45.8%)
2.	Rompin, Pahang	821.9 (12.6%)
3.	Pontian, Johor	773.0 (11.9%)
4.	Kota Tinggi, Johor	259.4 (4.0%)
5.	Johor Bahru, Johor	161.9 (2.5%)
6.	Samarahan, Sarawak	155.8 (2.4%)
7.	Kuala Langat, Selangor	91.9 (1.4%)
8.	Mersing, Johor	87.8 (1.3%)
9.	Maradong, Sarawak	70.0 (1.1%)
10.	Tangkak, Johor	66.0 (1.0%)

3.4 KUANTITI PENGELUARAN

3.4.1 Malaysia

Pada tahun 2023, jumlah pengeluaran nanas yang telah direkodkan adalah 586.0 ribu tan metrik. Daripada jumlah ini, sebanyak 323.6 ribu tan metrik (55.2%) adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan, manakala 262.0 ribu tan metrik (44.8%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu.


Carta 6: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Nanas mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



3.4.2 Negeri


Johor merupakan negeri pengeluar utama nanas di Malaysia dengan sumbangan 59.9 peratus atau 351.2 ribu tan metrik. Ini diikuti Sarawak, 60.3 ribu tan metrik (10.3%) dan Pahang, 59.7 ribu tan metrik (10.2%).

Carta 7: Kuantiti Pengeluaran Nanas mengikut Negeri Tertinggi, Malaysia, 2023



Kuantiti pengeluaran terbesar bagi pegangan pertanian individu direkodkan oleh Johor iaitu 125.3 ribu tan metrik atau menyumbang 47.7 peratus. Ini diikuti Sarawak, 48.3 ribu tan metrik (18.4%) dan Sabah, 31.0 ribu tan metrik (11.8%). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 225.8 ribu tan metrik atau 69.8 peratus. Ini diikuti Pahang, 50.9 ribu tan metrik (15.7%) dan Sarawak, 12.0 ribu tan metrik (3.7%).

Carta 8: Kuantiti Pengeluaran Nanas mengikut Pegangan Pertanian dan Negeri Tertinggi, Malaysia, 2023



3.4.3 Daerah

Kluang, Johor mendominasi pengeluaran nanas dengan sumbangan 29.6 peratus atau 173.7 ribu tan metrik. Ini diikuti Pontian, Johor, 61.0 ribu tan metrik (10.4%) dan Rompin, Pahang, 43.7 ribu tan metrik (7.4%). Bagi pegangan pertanian individu, Batu Pahat, Johor mencatatkan pengeluaran tertinggi iaitu 32.9 ribu tan metrik (12.5%), diikuti Muar, Johor, 29.4 ribu tan metrik (11.2%) dan Pontian, Johor, 21.5 ribu tan metrik (8.2%). Manakala bagi pegangan pertubuhan, Kluang, Johor, mencatatkan pengeluaran tertinggi iaitu 154.6 ribu tan metrik (47.8%), diikuti Rompin, Pahang, 42.6 ribu tan metrik (13.2%) dan Pontian, Johor, 39.5 ribu tan metrik (12.2%).

Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Nanas bagi 10 Daerah Teratas, Malaysia, 2023

Pegangan Pertanian		(Hektar)
1.	Kluang, Johor	173.7 (29.6%)
2.	Pontian, Johor	61.0 (10.4)
3.	Rompin, Pahang	43.7 (7.4%)
4.	Batu Pahat, Johor	34.3 (5.9%)
5.	Muar, Johor	29.4 (5.0%)
6.	Johor Bahru, Johor	21.3 (3.6%)
7.	Kota Tinggi, Johor	15.7 (2.7%)
8.	Tuaran, Sabah	10.8 (1.8%)
9.	Samarahan, Sarawak	9.9 (1.7%)
10.	Kota Belud, Sabah	6.6 (1.1%)


Individu			Pertubuhan		
		(Hektar)			(Hektar)
1	Batu Pahat, Johor	32.9 (12.5%)	1	Kluang, Johor	154.6 (47.8%)
2	Muar, Johor	29.4 (11.2%)	2	Rompin, Pahang	42.6 (13.2%)
3	Pontian, Johor	21.5 (8.2%)	3	Pontian, Johor	39.5 (12.2%)
4	Kluang, Johor	19.1 (7.3%)	4	Kota Tinggi, Johor	13.0 (4.0)
5	Johor Bahru, Johor	13.2 (5.0%)	5	Johor Bahru, Johor	8.1 (2.5%)
6	Tuaran, Sabah	10.8 (4.1%)	6	Samarahan, Sarawak	5.4 (1.7%)
7	Kota Belud, Sabah	6.6 (2.5%)	7	Kuala Langat, Selangor	4.7 (1.4%)
8	Sarikei, Sarawak	4.6 (1.8%)	8	Mersing, Johor	4.5 (1.4%)
9	Samarahan, Sarawak	4.5 (1.7%)	9	Tangkak, Johor	3.3 (1.0%)
10	Pekan, Pahang	4.0 (1.5%)	10	Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	2.6 (0.8%)

3.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

3.5.1 Malaysia

Kuantiti jualan tanaman nanas pada 2023 secara keseluruhan merekodkan 574.3 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM1,675.7 juta. Pecahan sumbangan kuantiti dan nilai jualan adalah selari iaitu pegangan pertanian pertubuhan adalah lebih besar dengan catatan masing-masing 55.3 peratus dan 54.9 peratus.


Carta 9 : Kuantiti dan Nilai Jualan Nanas mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



3.5.2 Negeri


Johor menjadi penyumbang utama bagi kuantiti jualan dan nilai jualan iaitu masing-masing 344.8 ribu tan metrik (60.0%) dan RM992.25 juta (59.9%). Ini diikuti Sarawak, 59.1 ribu tan metrik (10.3%) dengan nilai jualan RM184.72 juta (11.0%) dan Pahang, 58.6 ribu tan metrik (10.2%) dengan nilai jualan RM 173.30 juta (10.3%).

Carta 10: Kuantiti dan Nilai Jualan Nanas mengikut Negeri Tertinggi, Malaysia, 2023




Kuantiti jualan terbesar bagi pegangan pertanian individu direkodkan oleh Johor iaitu 122.7 ribu tan metrik atau 47.8 peratus. Ini diikuti Sarawak, 47.3 ribu tan metrik (18.4%) dan Sabah, 30.0 ribu tan metrik (11.7%). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor turut mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 222.0 ribu tan metrik atau 69.9 peratus. Ini diikuti Pahang, 50.1 ribu tan metrik (15.8%) dan Sarawak, 11.7 ribu tan metrik 3.5%.

Carta 11: Kuantiti Jualan Nanas mengikut Pegangan Pertanian dan Negeri, Malaysia, 2023



Nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu direkodkan oleh Johor iaitu RM359.77 juta dengan sumbangan 47.6 peratus. Ini diikuti Sarawak, RM140.32 juta (18.6%) dan Sabah, RM88.60 juta (11.7%). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM632.49 juta atau 68.7 peratus. Ini diikuti Pahang, RM147.93 juta (16.1%) dan Sarawak, RM44.40 juta (4.8%).


Carta 12: Nilai Jualan Nanas mengikut Pegangan Pertanian dan Negeri, Malaysia, 2023



3.6 PRODUKTIVITI

Produktiviti keluasan bertuai merujuk kepada kuantiti pengeluaran bagi setiap unit keluasan tanah yang dituai. Kadar produktiviti bagi pegangan pertanian Malaysia adalah 43.7 tan metrik per hektar. Pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kadar produktiviti lebih tinggi berbanding pegangan pertanian individu. Negeri yang merekodkan kadar produktiviti tertinggi bagi pegangan pertanian adalah Sarawak iaitu 50.7 tan metrik per hektar. Ini di ikuti Kelantan, 49.0 tan metrik per hektar, Johor, 47.3 tan metrik per hektar dan Pahang, 44.2 tan metrik per hektar.


Carta 13 : Kadar Produktiviti Tanaman Nanas Mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.7 KEPADATAN TANAMAN

Pengiraan kepadatan tanaman adalah berdasarkan bilangan pokok bagi setiap unit keluasan bertanam. Pegangan pertanian pertubuhan merekodkan kepadatan tanaman yang lebih tinggi iaitu 42,512 pokok per hektar berbanding pegangan pertanian individu, 34,651 pokok per hektar. Johor mencatatkan kepadatan tanaman tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu 37,436 per hektar manakala Perlis merekodkan kepadatan tanaman tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan iaitu 44,060 per hektar.


Carta 14 : Kadar Kepadatan Tanaman Nanas mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.8 PURATA HARGA DI LADANG

Harga bagi nanas segar adalah berbeza mengikut varieti, gred dan negeri. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, purata harga nanas adalah RM2.92 per kilogram. Purata harga tertinggi bagi pegangan pertanian individu direkodkan di Kelantan iaitu RM3.01 sekilogram. Manakala Sarawak merekodkan harga purata tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan iaitu RM3.79 sekilogram.

Carta 15 : Purata Harga Nanas Segar Mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Artikel ini disediakan oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

SEKALI TANAM, TIGA KALI TUAI

1.0 LATAR BELAKANG

Sumber utama data pentadbiran adalah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, DOSM juga bekerjasama untuk mendapatkan maklumat terkini daripada agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Senarai dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baharu dan merekod sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos bagi memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang paling terkini.

7. KONSEP DAN DEFINISI

Konsep dan definisi dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 berasaskan syor *International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations Statistical Division, Statistical Papers, Series M No. 90, United Nations, New York, 2009* dan *Food and Agriculture Organization (FAO)*. Konsep dan definisi yang seragam membolehkan perbandingan data dibuat di peringkat antarabangsa.

7.1 Takrif Pertanian

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan (berdasarkan MSIC 2008). Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

- 7.1.1 **Tanaman** merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik dan penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih. Tanaman meliputi tanaman tidak kekal dan tanaman kekal.
- 7.1.2 **Ternakan** merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil dan pembiakbakaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya;
- 7.1.3 **Perikanan tangkapan** merujuk kepada aktiviti penangkapan, pemungutan dan pengumpulan organisma hidupan akuatik liar seperti ikan, moluska dan krustasia, termasuk tumbuhan yang terdapat di perairan air tawar atau air masin bagi tujuan komersial.
- 7.1.4 **Akuakultur** merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator, dan amfibia) menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (contoh: stok biasa, pemberian makanan, dan perlindungan dari pemangsa). Ia terdiri daripada empat jenis iaitu air payau, air tawar, ikan hiasan dan baka & benih; dan
- 7.1.5 **Perhutanan dan pembalakan** termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak.

7.2 Pegangan Pertanian

Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada **dua (2) kategori** iaitu **Individu** dan **Pertubuhan Perniagaan**. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.

7.3 Pegangan Pertanian Individu adalah seseorang yang menjalankan aktiviti sebagai Pengusaha bagi tujuan pengeluaran tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan/ atau pembalakan & perhutanan. Contoh pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian adalah seperti berikut:

- i. Petani/Peladang/Pesawah - individu yang mengusahakan tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang (kelapa sawit, getah, koko, kelapa, nanas dan lada) dan tanaman lain.
- ii. Nelayan - individu yang mendapat pendapatan melalui aktiviti menangkap ikan di laut, tasik atau di sungai. Nelayan terdiri daripada tekong dan pemilik (tidak termasuk awak-awak).
- iii. Penternak akuakultur - individu yang mengusahakan aktiviti akuakultur untuk tujuan komersial. Aktiviti akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan termasuk tuaian organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator, dan amfibia) menggunakan teknik yang direkabentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (sebagai contoh, stok biasa, pemberian makanan dan perlindungan daripada pemangsa).
- iv. Penternak - individu yang memiliki, memelihara dan/ atau membiak ternakan untuk tujuan komersial seperti unggas, lembu termasuk hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya.

7.4 Pertubuhan Perniagaan ditakrifkan sebagai:

“Satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah yang menjalankan satu atau beberapa aktiviti di suatu tempat/lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan dikelaskan mengikut industri berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi berlainan dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau ‘enterprise’ ini akan

dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

Dalam penyusunan parameter pertanian, pertubuhan pertanian dirujuk sebagai Pegangan Pertanian Pertubuhan dan boleh terdiri daripada syarikat; badan bukan kerajaan (NGO); institusi seperti masjid, sekolah dan penjara; persatuan yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan jualan.

8. TAHUN BANCI

Tahun banci adalah merujuk kepada tahun pelaksanaan banci. Banci Pertanian dilaksanakan pada **tahun 2024**.

9. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi maklumat yang dikumpul dalam banci ini merujuk kepada tahun rujukan aktiviti pertanian mengikut tahun takwim iaitu **tahun 2023**. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim perlu menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam tahun rujukan.

10. UNIT PELAPOR

Unit pelapor bagi Banci Pertanian 2024 adalah **pegangan pertanian individu** dan **pegangan pertanian pertubuhan** yang menjalankan aktiviti pertanian.

11. LOKASI PEGANGAN PERTANIAN

Lokasi bagi pegangan pertanian individu merujuk kepada lokasi tempat kediaman biasa atau alamat rumah, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan berdasarkan alamat pertubuhan berada atau lokasi pejabat.

12. LOKASI AKTIVITI

Lokasi aktiviti merujuk kepada lokasi aktiviti pertanian dijalankan seperti ladang, kandang atau kolam. Satu Pegangan Pertanian Individu atau Pegangan Pertanian Pertubuhan boleh menjalankan satu/lebih aktiviti Pertanian di lokasi yang sama atau di lokasi yang berlainan

13. KELUASAN BERTANAM

Luas Bertanam sesuatu tanaman adalah berasaskan kepada Luas Bertanam Tanaman Setara (CHE). Luas Bertanam Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Bertanam Tanaman Setara ialah jumlah luas bertanam yang ditanam beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas Bertanam tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA dan RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

14. KELUASAN BERTUAI

Seperti konsep dan liputan keluasan bertanam, luas berhasil atau bertuai sesuatu tanaman turut berasaskan kepada Luas Berhasil Tanaman Setara (CHE). Luas Berhasil Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok yang di tuai di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Berhasil Tanaman Setara ialah jumlah luas berhasil yang dituai beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas berhasil tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA dan RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

15. KELUASAN TERNAKAN AKUAKULTUR

Keluasan ternakan akuakultur merujuk kepada luas kawasan yang digunakan untuk ternakan (effective area) mengikut jenis sistem ternakan bagi hidupan akuatik seperti ikan, udang, dan moluska. Di Malaysia, jenis sistem ternakan akuakultur boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti kolam tanah, kolam konkrit, tangki, sangkar, kandang, hatcheri/nursery, rumpai laut, tumbuhan akuatik, kerang-kerangan dan lain-lain.

16. KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti pertanian yang boleh dikeluarkan untuk tujuan jualan. Kuantiti pengeluaran juga merujuk kepada kuantiti yang rosak selepas dikeluarkan tetapi belum dijual/diproses/diguna sendiri, digunakan untuk proses menjadi hasil pertanian dan kegunaan sendiri individu/pertubuhan.

16.1 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman

Merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti tanaman kekal dan tidak kekal. Tanaman kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang lebih panjang dan boleh menghasilkan hasil sepanjang tahun atau untuk beberapa tahun. Jenis tanaman adalah dalam bentuk komoditi, seperti kelapa sawit, getah, koko, lada, kelapa. Tanaman tidak kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang pendek dan hanya satu atau dua musim sahaja. Jenis tanaman adalah seperti sayur sayuran dan aktiviti tanaman industri.

16.2 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan

Merujuk kepada bilangan yang dikeluarkan daripada aktiviti ternakan termasuk kuantiti ternakan atau hasilan ternakan yang rugi, kuantiti untuk diproses, kuantiti untuk kegunaan sendiri dan kuantiti yang dijual. Kuantiti pengeluaran meliputi binatang yang digunakan untuk tujuan sembelihan, baka dan ternakan belum matang seperti anak ayam/kambing/lembu untuk peliharaan; kuantiti hasilan ternakan seperti telur, susu segar, madu dan sarang burung.

16.3 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan

Merujuk kepada kuantiti bagi jumlah tangkapan/ pendaratan ikan.

16.4 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur

Merujuk kepada jumlah pengeluaran akuakultur.

16.5 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti pengusaha hasilan hutan yang diukur dalam unit kg bagi pengeluaran hasil hutan bukan kayu yang tumbuh liar seperti pengumpulan rotan, buluh; pemungutan sarang burung; pengumpulan pokok sagu liar; dan pengumpulan produk hutan bukan kayu seperti damar, buah berangan, buah kerdas, buah keranji, petai, daun bertam, daun nipah, daun kajang, minyak keruing, lilin lebah dan madu, nira, pucuk midin, rebung dll. Manakala bagi pengeluaran aktiviti berasaskan kayu merujuk kepada

pengeluaran kayu balak; pengeluaran arang kayu dalam hutan yang menggunakan kaedah tradisional; pembalakan kayu getah; dan ladang hutan/nurseri yang diukur dalam unit meter padu.

17. KUANTITI JUALAN

Kuantiti jualan adalah kuantiti pengeluaran daripada aktiviti pertanian yang digunakan untuk tujuan jualan dan nilainya kurang atau sama dengan kuantiti pengeluaran.

18. NILAI JUALAN

Nilai jualan merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperoleh daripada jualan aktiviti pertanian berdasarkan kuantiti dan harga semasa penjualan tersebut dilaksanakan

Nilai Jualan = Kuantiti Jualan x Harga Semasa.

19. KLASIFIKASI PENJADUALAN

Bagi subsektor Ternakan, kategori penjadualan dikelaskan seperti berikut:

19.1 Lembu/Kerbau

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan Lembu dan ternakan Kerbau;

19.2 Kambing/Bebiri

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan Kambing dan ternakan Bebiri;

19.3 Babi

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan Babi;

19.4 Ayam/Itik

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan Ayam dan ternakan Itik;

19.5 Lain-lain Ternakan

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan Alpaca, Anak Ayam, Angsa, Anjing, Arnab, Ayam Belanda, Ayam Hiasan, Ayam Mutiara, Ayam Selasih, Biawak, Black Soldier Fly Larva, Buaya, Burung, Burung, Cacing, Capybara, Cengkerik, Dhab, Gecko, Hamster, Iguana, Kala Jengking, Kancil, Kera, Koloni Kelulut,

Kucing, Kuda, Kura-kura, Landak, Lipas, Monyet, Pelanduk, Puyuh, Rusa, Tikus, Tupai, Ular, Ulat, Unta dan Wallaby;

19.6 Telur Ayam/Itik

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan Telur Ayam dan Telur Itik;

19.7 Susu Segar

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan Susu Lembu, Susu Kambing dan Susu Kerbau; dan

19.8 Lain-lain Hasil Ternakan

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan Telur Angsa, Telur Puyuh, Telur Burung, Sarang Burung Walet dan Madu/Kelulut.

20. KEWARGANEGARAAN

Maklumat berkaitan kewarganegaraan adalah berdasar kepada pengenalan diri atau jawapan yang diberi oleh responden.

Maklumat kewarganegaraan harus digunakan dengan berhati-hati kerana ianya tertakluk kepada ralat kandungan dan liputan terutamanya bagi bukan warganegara.

21. KUMPULAN ETNIK

Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi seperti berikut:

Warganegara Malaysia

Bumiputera

Cina

India

Lain-lain

Maklumat kumpulan etnik termasuk kewarganegaraan yang dikutip semasa banci adalah berdasarkan kepada jawapan responden dan tidak merujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

22. KUMPULAN UMUR

Umur adalah berdasarkan hari lahir terakhir pada hari lawatan. Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan umur adalah seperti berikut:

- i. 15 – 30 tahun
- ii. 31 – 45 tahun
- iii. 46 – 59 tahun; dan
- iv. 60 tahun dan ke atas

23. SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Bagi tujuan penjadualan, siji tertinggi dikategorikan mengikut kepada empat peringkat iaitu :

- i. **Peringkat Tertinggi** melibatkan pemegang PhD, ijazah, diploma lanjutan, serta sijil kemahiran teknikal (TVET) dari institusi diiktiraf.
- ii. **Peringkat Menengah** merangkumi mereka yang memiliki STPM atau SPM/SPM(V) atau setaraf.
- iii. **Peringkat Rendah** terdiri daripada individu dengan kelulusan di bawah SPM,
- iv. **Tiada Sijil** merujuk kepada mereka tanpa sebarang kelulusan rasmi.

Senarai sijil tertinggi diperoleh adalah seperti berikut:

i. **Doktor Falsafah (PhD)**

Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

ii. Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana

Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan, Diploma/ Sijil Pasca Ijazah, Diploma/ Sijil daripada badan profesional atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf. Contoh: Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan kelulusan setaraf dengan ijazah seperti:

- a. Diploma/ sijil pasca ijazah.
- b. Diploma/ sijil dari badan professional.

iii. Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf

Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf. Contoh: Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.

iv. Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau Higher National Diploma (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4). Contoh: Diploma atau Diploma Lanjutan atau Higher National Diploma (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Advanced Technology Training Centre (ADTEC), State Skill Development Centre (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll) dan kolej swasta yang berkenaan.

v. Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf

Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan-badan yang memberi pengiktirafan (contoh: Construction Industry Development Board (CIDB) atau yang setaraf. Contoh: Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Senibina, Sijil Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.

vi. Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/Jabatan Pembangunan Kemahiran (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Institut Pertanian, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 2). Contoh: sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Pertanian, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, State Skill Development Centre (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll) atau kolej swasta yang berkenaan. Kategori ini tidak termasuk sijil yang diperoleh daripada GIAT MARA, politeknik, universiti atau yang setaraf.

vii. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf

Merujuk kepada sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Swasta serta agensi lain yang mengkhusus kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

viii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf

Merujuk kepada kelayakan SPM/ SPM(V)/ MCE atau peperiksaan setaraf dengannya seperti GCE 'O' Level.

ix. Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)

Merujuk kepada kelayakan seperti PMR/ SRP/ LCE, tamat sekolah rendah atau di bawah taraf kelulusan yang dinyatakan.

x. Tiada sijil

Tiada sijil yang diperoleh.

24. PRODUKTIVITI TANAMAN

Produktiviti tanaman ditakrifkan sebagai hasil tuaian tanaman bagi setiap unit keluasan tanah yang diusahakan.

25. SIMBOL DAN SINGKATAN


-	: tiada data
0	: nilai kurang daripada 0.5
0.0	: nilai kurang daripada 0.05
≠	: tidak sama dengan
n.a.	: tidak berkenaan
&	: dan
%	: peratus
dll	: dan lain-lain
RM	: Ringgit Malaysia
t.t.t.l	: tidak terkelas di tempat lain
W.P.	: Wilayah Persekutuan
ha	: hektar
kg	: kilogram
mt	: tan metrik
samb.	: sambungan
BP	: Blok Penghitungan
DB	: Daerah Banci
DP	: Daerah Pentadbiran
ROS	: Daftar Perniagaan
ROC	: Daftar Syarikat
TVET	: Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal
PhD	: Doktor Falsafah
FAO	: <i>Food and Agriculture Organization</i>
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
KPK	: Kementerian Perladangan dan Komoditi
KPKM	: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KKTM	: Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	: Lembaga Hasil Dalam Negeri
MSAR	: Malaysia Statistical Address Register
MSBR	: Malaysia Statistical Business Register
PAPI	: Paper and Pen Interview
PD	: Penguasa Daerah
PLB	: Penilaian Liputan Banci

PP	: Penolong Pesuruhjaya
LLP	: Perkongsian Liabiliti Terhad
MSIC	: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	: Penilaian Menengah Rendah
ROS	: Registrar of Societies
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	: Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SKM	: Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TK	: Tempat Kediaman
TP	: Timbalan Pesuruhjaya
UNSD	: United Nations Statistics Division

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong




PENGHARGAAN



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PENGHARGAAN





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



PENGHARGAAN

TASK FORCE ANALISIS DATA KIUB NANAS

Puan Fuziah Md. Amin	Pengarah
Cik Syifa' Mohd Radzi	Penolong Pengarah
Puan Wan Syakirah Wan Jamil	Penolong Pengarah
Encik Mohd Mahadi Mohd Nor	Penolong Pegawai Perangkaan
Puan Nurul Alyana Binti Fadzil	Personel MySTEP

EDITOR

Puan Suraya Hani binti Mohamad Ashi	Ketua Penolong Pengarah
-------------------------------------	-------------------------

JABATAN PERANGKAAAN [DOSM]

Encik Muhammad Amri Idris	DOSM Sabah
Encik Mohd Ridauddin Masud	DOSM Perak
Puan Siti Zakiah Muhamad Isa	DOSM Wilayah Persekutuan
Puan Dayang Rozana Abang Hassan	DOSM Sarawak
Puan Hartini Yaacob	DOSM Selangor
Encik Khairolnizam Hassan	DOSM Pulau Pinang
Encik Mohd Suhaimi Mod Rashid	DOSM Johor
Encik Razaman Ridzuan	DOSM Pahang
Encik Mohd Sawal Shakimon	DOSM Negeri Sembilan
Puan Marlini Sahul Hamid	DOSM Terengganu
Puan Nadia Marzuki	DOSM Kedah
Encik Mohd Shahrill Abdul Rashid	DOSM Kelantan
Encik Azmi Ali	DOSM Melaka
Encik Hamka Ismail	DOSM Perlis
Warga DOSM Negeri	





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



PENGHARGAAN

LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA [LPNM]

- 🍍 Puan Hajar Zainal, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik
- 🍍 Encik Mohd Nazaiful Azdi Rahman, Pengarah LPNM Negeri Sarawak
- 🍍 Ts. Azhan Austad, Pengarah LPNM Negeri Pahang
- 🍍 Encik Muhammad Fauzan Mohd, LPNM Negeri Kelantan
- 🍍 Puan Ashazana Abd Rahman, Penolong Pengarah
- 🍍 Encik Md Rashid Md Khalid, Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Jackson Ramon Anak Asan, Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Shafualanuar Mat Kamis, Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Muhamad Hafidz Zainal Abidin, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Puan Siti Hidayah Sulaiman, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Khalil Jamil, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Puan Assalinda Saleh, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Puan Asmat Abdullah, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Muhammad Ruzaini Hashim, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Zainol Abidin Saad, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Mu'izzudhaziq Zainudin, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
- 🍍 Encik Mohd Jasmi Amri Abd Jalil, Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi



20 Oktober

2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



PENGHARGAAN


LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA [LPNM]

- 🍌 Encik Mohd Jasmi Amri Abd Jalil, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
- 🍌 Cik Azahra Onn Abdul Syukur, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Nooridzhamshah Md Ali, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
- 🍌 Cik Nazihah Misman, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
- 🍌 Cik Nazihah Misman, Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi
- 🍌 Puan Syaza Syahirah Zulkepli, Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Mior Nur Azim Mior Amran, Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Muhamad Afiq Omar, Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Luqmanulhakim Abd Rahim, Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Akram Zaki Abd.Razak, Pembantu Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Mohd Ikhmal Faez Rosli, Pembantu Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Hairunizammohmad @Mohammad, Pembantu Ehwal Ekonomi
- 🍌 Encik Mohammad Azmifatahul Mohen, Pembantu Ehwal Ekonomi
- 🍌 Puan Nurul Ain Zainal, Pembantu Tadbir
- 🍌 Puan Roslina Ramli, Pembantu Tadbir (Kewangan)





LAMPIRAN



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia, 2024 - Sektor Pertanian

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
011	Penanaman tanaman tidak kekal		
	01111	Penanaman jagung manis	01111
	01112	Penanaman tanaman kekacang	01112
	01113	Penanaman kacang tanah	01113
	01119	Penanaman bijian berminyak dan bijirin lain t.t.t.l	01113
	01120	Penanaman padi	01120
	01131	Penanaman sawi	01131
	01132	Penanaman bayam	01132
	01133	Penanaman tembikai	01133
	01134	Penanaman cendawan dan truffles	01134
	01135	Penanaman timun	01135
	01136	Penanaman terung	01136
	01137	Penanaman kobis	01137
	01138	Penanaman tomato	01138
	01139	Penanaman sayur-sayuran dan ubi lain t.t.t.l	-
	01140	Penanaman tebu	01140
	01150	Penanaman tembakau	01150
	01161	Penanaman kenaf	-
	01169	Penanaman tanaman berserat lain t.t.t.l	-
	01191	Penanaman bunga	01191
	01192	Penanaman biji benih bunga	01192
	01193	Penanaman sagu (rumbia)	01193
	01194	Penanaman tumbuhan untuk makanan ternakan	-
	01195	Penanaman pengeluaran keratan bunga dan kudup bunga	-
	01199	Penanaman tanaman bukan kekal lain t.t.t.l.	01199

LAMPIRAN

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
012	Penanaman tanaman kekal		
	01210	Penanaman anggur	01210
	01221	Penanaman pisang	01221
	01222	Penanaman mangga	01222
	01223	Penanaman durian	01223
	01224	Penanaman rambutan	01224
	01225	Penanaman belimbing	01225
	01226	Penanaman betik	01226
	01227	Penanaman nanas	01227
	01228	Penanaman buah naga	01228
	01229	Penanaman buah-buahan tropika dan subtropika lain t.t.t.l.	01229
	01231	Penanaman limau bali	01231
	01232	Penanaman lemon	01232
	01233	Penanaman limau manis (buah)	01233
	01234	Penanaman limau (rempah)	-
	01239	Penanaman buah-buahan sitrus lain t.t.t.l.	01239
	01241	Penanaman jambu batu	01241
	01249	Penanaman buah-buahan delima dan berbiji lain t.t.t.l.	01249
	01251	Penanaman buah strawberi	01251
	01252	Penanaman buah beri lain	01252
	01253	Penanaman kacang yang boleh dimakan	01253
	01254	Penanaman biji benih buah-buahan	01254
	01261	Penanaman kelapa sawit (estet)	01261
	01262	Penanaman kelapa sawit (kebun kecil)	01262
	01263	Penanaman kelapa (estet dan kebun kecil)	01263
	01269	Penanaman buah-buahan lain untuk minyak t.t.t.l.	01269
	01271	Penanaman kopi	01271
	01272	Penanaman teh	01272

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	01273	Penanaman koko	01273
	01279	Penanaman tanaman minuman lain t.t.t.l	01279
	01281	Penanaman lada hitam (piper nigrum)	01281
	01282	Penanaman cili dan lada (lada benggala spp.)	01282
	01283	Penanaman pokok serai	01283
	01284	Penanaman halia	01284
	01285	Penanaman tanaman yang digunakan terutamanya untuk penghasilan minyak wangi, untuk farmasi atau untuk racun serangga, kulat atau untuk tujuan yang seumpamanya.	01285
	01286	Penanaman pokok petai	-
	01287	Penanaman sacha inchi	-
	01288	Penanaman ketum	-
	01289	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatik lain t.t.t.l.	01289
	01291	Penanaman pokok getah (estet)	01291
	01292	Penanaman pokok getah (kebun kecil)	01292
	01293	Penanaman pokok untuk pengekstrakan sap	01293
	01294	Penanaman pokok nipah	01294
	01295	Penanaman pokok pinang	01295
	01296	Penanaman pokok roselle	01296
	01299	Penanaman tanaman kekal lain t.t.t.l.	01299
013	Pembiakan tumbuhan		
	01301	Penanaman tumbuhan sebagai tanaman	01301
	01302	Penanaman tumbuhan untuk tujuan hiasan	01302
	01303	Penanaman tumbuhan untuk bebawang, ubi dan akar; keratan dan slips; cendawan	01303
	01304	Operasi tapak semaian pokok (nurseries)	01304
014	Pengeluaran ternakan		
	01411	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran lembu	01411
	01412	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran kerbau	01412
	01413	Pengeluaran susu segar daripada lembu atau kerbau	01413

LAMPIRAN

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
01420		Penternakan dan pembiakan kuda, keldai, baghal atau <i>hinnes</i>	01420
01430		Penternakan dan pembiakan unta (<i>dromedary</i>) dan camelid	01430
01441		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran kambing	01441
01442		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran biri-biri	01442
01443		Pengeluaran susu segar kambing atau biri-biri	01443
01444		Pengeluaran bulu belum proses	01443
01450		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran babi	01450
01461		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam pedaging	01461
01462		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam penelur	01462
01463		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran itik	01463
01464		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung puyuh	01464
01465		Penternakan dan pembiakan unggas lain t.t.t.l.	01465
01466		Pengeluaran telur ayam	01466
01467		Pengeluaran telur itik	01467
01468		Pengeluaran telur unggas lain t.t.t.l.	01468
01469		Operasi penetasan unggas	01469
01491		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran arnab	01491
01492		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung	01492
01493		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran siput, ulat dan cacing	01493
01494		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran serangga	01494
01495		Penternakan, pembiakan dan pengeluaran hasil madu (Apikultur dan Meliponikultur)	01495
01496		Penternakan dan pembiakan haiwan peliharaan	01496
01497		Penternakan dan pembiakan burung walet	01497
01498		Pengeluaran kulit berbulu, kulit burung atau reptilia dari operasi ladang ternakan	01492
01499		Penternakan pelbagai/haiwan lain t.t.t.l.	01499
015	Pertanian campuran		
01501	Pertanian campuran (tanaman, ternakan dan perikanan)		-

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	01502	Pertanian campuran (tanaman dan ternakan)	-
	01503	Pertanian campuran (tanaman dan perikanan)	-
	01504	Pertanian campuran (ternakan dan perikanan)	-
016	Aktiviti sokongan pertanian dan aktiviti tanaman selepas tuaian		
	01611	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap nurseri	-
	01612	Aktiviti perkhidmatan penanaman dan penuaian	-
	01613	Aktiviti perkhidmatan merumput dan kawalan Lalang	-
	01614	Aktiviti perkhidmatan menebang dan membersihkan tanah	-
	01615	Aktiviti perkhidmatan merawat dan mengawal penyakit	-
	01616	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara infrastruktur	-
	01617	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara tempat/ peralatan jentera dan kelengkapan untuk penanaman	-
	01621	Aktiviti merawat dan mengawal penyakit	-
	01622	Penyelenggaraan infrastruktur	-
	01623	Penyelenggaraan kawasan dan peralatan ternakan	-
	01629	Aktiviti sokongan ternakan lain t.t.t.l.	-
	01631	Penyediaan tanaman untuk pasaran utama	01631
	01632	Penyediaan daun tembakau	01632
	01633	Penyediaan biji koko	01633
	01634	Menjemur sayur-sayuran dan buah-buahan	01634
	01639	Aktiviti tanaman selepas tuaian lain t.t.t.l.	-
	01640	Pemprosesan benih untuk pembiakan	01640
017	Pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan		
	01701	Pemburuan dan penjeratan haiwan secara komersial	01701
	01702	Penangkapan haiwan (hidup atau mati)	01702
021	Silvikultur dan aktiviti perhutanan lain		
	02101	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan darat.	02101
	02102	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya bakau serta persisiran pantai	02102
	02103	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya gambut	02103

LAMPIRAN

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	02104	Bekalan sumber bahan tanaman perhutanan	02104
	02105	Operasi tapak semaian pokok hutan dan pokok ladang hutan	02105
	02106	Pengumpulan maklumat bagi kawasan pemeliharaan hutan asli	-
	02107	Ladang hutan	02105
	02109	Silvikultur, restorasi, pemuliharaan hutan dan aktiviti perhutanan lain t.t.t.l	-
022	Pembalakan		
	02201	Pengusahasilan hutan darat asli secara berkekalan (<i>selective management system</i>)	02201
	02202	Pengusahasilan hutan paya laut	02202
	02203	Pengusahasilan hutan paya gambut	02203
	02204	Pengusahasilan hutan bagi tujuan pembangunan	02204
	02205	Penjarangan dan pengusahasilan akhir bagi ladang hutan	-
	02206	Pengusahasilan dan pemindahan kayu dari luar kawasan hutan simpan kekal	-
	02209	Pengusahasilan lain t.t.t.l	-
023	Pengumpulan produk hutan bukan kayu		
	02301	Pengusahasilan dan pengeluaran rotan dan buluh	02301
	02302	Pengusahasilan dan pengeluaran sarang burung	02302
	02303	Pengusahasilan dan pengeluaran pokok sagu liar	02303
	02304	Pengusahasilan dan pengeluaran gaharu	-
	02305	Pengusahasilan dan pengeluaran buah-buahan hutan	-
	02306	Pengusahasilan dan pengeluaran herba dan tumbuhan ubatan	-
	02307	Pengusahasilan dan pengeluaran madu lebah	-
	02309	Pengusahasilan, pengumpulan dan pengeluaran hutan bukan kayu lain t.t.t.l	02309
024	Perkhidmatan sokongan perhutanan		
	02401	Menjalankan aktiviti perkhidmatan penyediaan dokumen yang berkaitan dalam operasi perhutanan dan ladang hutan	02401
	02402	Binaan dan penyelenggaraan infrastruktur dalam hutan simpanan kekal (jambatan, jalan sementara dll.)	02402
	02403	Operasi banciaan pokok (sebelum/selepas tebangan, penandaan pokok)	-

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	02404	Perkhidmatan jentera, peralatan dan kelengkapan pengusahasilan dalam kawasan hutan	-
	02409	Lain-lain perkhidmatan sokongan perhutanan t.t.t.l	-
031	Perikanan		
	03111	Perikanan komersil di laut dan perairan pantai	03111
	03112	Pemungutan ketam di laut	03112
	03113	Pemungutan sotong di laut	03113
	03114	Pemungutan udang di laut	03114
	03115	Pemungutan kerang-kerangan di laut	03115
	03116	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik di laut	-
	03117	Pemungutan ikan hiasan di laut	-
	03119	Perikanan laut lain t.t.t.l	03119
	03121	Perikanan komersil di darat	03121
	03122	Pemungutan ketam air tawar	03122
	03123	Pemungutan udang air tawar	03123
	03124	Pemungutan kerang-kerangan air tawar	03124
	03125	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik air tawar	-
	03126	Pemungutan ikan hiasan air tawar	-
	03129	Perikanan air tawar lain t.t.t.l	03129
032	Akuakultur		
	03211	Ternakan ikan di laut	03211
	03212	Ternakan ketam laut	03212
	03213	Ternakan udang laut	03213
	03214	Ternakan kerang-kerangan laut	03214
	03215	Ternakan haiwan dan organisma akuatik laut	03215
	03216	Ternakan ikan hiasan	03216
	03217	Operasi penetasan anak benih (laut)	03217
	03218	Ternakan rumpai laut	03218
	03219	Ternakan akuakultur laut lain t.t.t.l	03219

LAMPIRAN

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	03221	Ternakan ikan air tawar	03221
	03222	Ternakan udang air tawar	03222
	03223	Ternakan kerang-kerangan air tawar	03223
	03224	Ternakan ikan hiasan air tawar	03224
	03225	Ternakan reptilia dan amfibia	03225
	03226	Operasi penetasan anak benih (air tawar)	03224
	03229	Akuakultur air tawar lain t.t.t.l	03229
033	TBA		
	03301	Aktiviti atas vessel yang melibatkan penangkapan, pemprosesan dan pengawetan	-
	03302	Penyelenggaraan vesel perikanan, kapal	-
	03309	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan perikanan lain t.t.t.l	-
	03311	Penyelenggaraan tempat dan peralatan akuakultur	-
	03312	Operasi kolam ikan	-
	03319	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan akuakultur lain t.t.t.l	-
701	Aktiviti ibu pejabat		
	70101	Aktiviti ibu pejabat tanaman	70100
	70102	Aktiviti pengurusan ladang (tanaman)	70100
	70103	Aktiviti ibu pejabat ternakan	70100
	70104	Aktiviti pengurusan ladang (ternakan)	70100
	70105	Aktiviti ibu pejabat pembalakan dan perhutanan	70100
	70106	Aktiviti pengurusan ladang (pembalakan dan perhutanan)	70100
	70107	Aktiviti ibu pejabat perikanan	70100
	70108	Aktiviti pengurusan ladang (perikanan)	70100

**PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN PENERBITAN INI BOLEH JUGA DIBUAT DI
PEJABAT PERANGKAAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:**

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor,
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel. : 07-225 3700
Faks : 07-224 9972
E-mel : j pjohor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak,
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel. : 05-243 6107
Fax : 05-255 1073
E-mel : jpperak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Kedah.
Tel. : 04-700 1240
Faks : 04-733 8412
E-mel : jpkedah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis,
Tingkat 2,
26B, KPARC,
01000 Kangar, Perlis.
Tel. : 04-976 7381/9025
Faks : 04-976 8950
E-mel : jpperlis@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan,
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.
Tel. : 09-741 9449
Faks : 09-748 2142
E-mel : jpkelantan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel. : 03-5515 0200
Faks : 03-5518 0408
E-mel : jpselangor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka,
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450, Ayer Keroh,
Melaka.
Tel. : 06-252 2725
Faks : 06-252 2711
E-mel : jpmelaka@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu,
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel. : 09-622 3062
Faks : 09-622 9659
E-mel : admin_jptrg@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan,
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel. : 06-765 5000
Faks : 06-765 5002
E-mel : jpnsembilan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,
Tingkat 1-3, Blok C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel. : 088-484 602
Faks : 088-484 659
E-mel : jpsabah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang,
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel. : 09-516 3931/7
Faks : 09-514 4636
E-mel : jppahang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang 3,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel. : 082-240 287
Faks : 082-242 609
E-mel : sarawak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson,
Pulau Pinang.
Tel. : 04-226 6244
Faks : 04-229 9499
E-mel : jppulaupinang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia
Wilayah Persekutuan,
Tingkat 14 & 15, Wisma FGV,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel. : 03-2267 2400
Faks : 03-2691 0639
E-mel : dosmwp@dosm.gov.my


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



BANCI 2024 PERTANIAN

LAPORAN INTERIM NANAS





ISBN 978-967-253-932-2




@StatsMalaysia

